<u>**PANDUAN SISTEM OSC ONLINE**</u>

## Pengenalan :-

- Sistem OSC Online merupakan Sistem Pengurusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan secara atas talian.
- Fungsi utama sistem adalah seperti:-
  - ✓ Pendaftaran Permohonan secara online
  - ✓ Pengurusan Permohonan - capaian, semakan dan carian permohonan
  - ✓ Pengurusan ulasan teknikal dalaman PBT
    - Penyaluran ulasan
    - Pemantauan status ulasan
  - ✓ Penyediaan ulasan online bagi agensi teknikal luar
  - ✓ Pengurusan mesyuarat berkenaan - merekod keputusan dan penjadualan

- Terdiri daripada e-Penyerahan dan e-Pemprosesan




Gambarajah 1 : Paparan skrin utama sistem OSC Online

**Sistem e-Penyerahan :**




- Bagi log masuk ke e-penyerahan, pengguna perlu log masuk menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.




Gambarajah 2: Log Masuk e-Penyerahan

- Gambarajah 3 menunjukkan menu-menu yang boleh diakses oleh pengguna yang berdaftar di dalam sistem e-Penyerahan. Akses ke menu-menu tersebut adalah berdasarkan jenis pendaftaran pengguna.




Gambarajah 3: Menu-menu sistem e-Penyerahan

- Klik pada **'Daftar Sini'** sekiranya pengguna belum mendaftar. Gambarajah 4 menunjukkan jenis pendaftaran yang terdapat dalam Sistem e-Penyerahan.

**A) PSP/SP Penyerahan**

Principal Submitting Person/Submitting Person - PSP/SP adalah professional seperti Arkitek, Jurutera, Pelukis Pelan Bangunan atau Perancang yang akan menjadi Orang Utama yang Mengemukakan. PSP/SP akan mengemukakan permohonan seperti Perihal Tanah, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan, Pelan Lanskap dan sebagainya kepada PBT.

Pendaftaran hanya perlu dilakukan sekali sahaja bagi PSP/SP untuk mengakses perkhidmatan dalam semua OSC Online.



[Pendaftaran PSP] [Pendaftaran SP]

**B) Orang Awam**

Orang awam boleh mengakses perkhidmatan e-Rujukan dan e-Panduan tanpa perlu mendaftar dengan OSC Online. Jika mereka hendak menggunakan perkhidmatan e-Tanya atau e-Aduan, mereka perlu mendaftar dengan OSC Online supaya PBT dapat menjawab pertanyaan atau aduan mereka.



[Pendaftaran Orang Awam]

**C) Pemilik Projek**

Pemilik Projek boleh memantau projek-projek dan penyerahan yang telah didaftarkan di bawah syarikat mereka.



[Pendaftaran Pemilik Projek]

Gambarajah 4: Jenis pendaftaran bagi log masuk sistem e-penyerahan

**Sistem e-Pemprosesan**:-




- e-Pemprosesan merupakan log masuk bagi sistem pentadbir.




Gambarajah 5: Pautan ke Sistem e-Pemprosesan

- Nama Pengguna untuk pentadbir sistem akan membolehkan pentadbir untuk memasuki fungsi-fungsi pentadbiran untuk semua atau pihak berkuasa tempatan bergantung kepada tugasan. Nama pengguna dan kata laluan yang betul pada log masuk akan memaparkan skrin pentadbiran yang boleh diakses untuk anda atau satu jabatan yang ditugaskan kepada anda sahaja.




Gambarajah 6: Log Masuk oleh Sistem Pentadbir

- Terdapat enam (6) akses pengguna pada sistem e-pemprosesan. Akses ini bergantung kepada peranan atau tugasan pengguna samada sebagai :-
  - ✓ Urusetia OSC
  - ✓ Agensi Teknikal Dalaman
  - ✓ Agensi Teknikal Luaran
  - ✓ Jawatankuasa OSC
  - ✓ Jawatankuasa Teknikal
  - ✓ Pentadbiran Sistem

- Jadual 1 di bawah menunjukkan Akses pengguna dan Paparan Menu yang terlibat untuk pengguna tersebut.

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Akses Pengguna</th><th>Menu Terlibat</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Urusetia OSC</td><td>


</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 2. | Agensi Teknikal Dalaman | **AT Dalaman > Utama**<br><br>a) Permohonan:<br>• e-Penyerahan (0)<br>• e-Permintaan Perkhidmatan (0)<br><br>b) AT Dalaman:<br>• Ulasan AT Dalaman (0)<br>• Lawatan Tapak (0)<br>• Maklumbalas e-Tanya (0)<br>• Maklumbalas e-Aduan (0)<br><br>c) Maklumat Berkaitan:<br>• Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan<br>• Projek / Permohonan<br>• PSP/ SP<br>• e-Rujukan |
| 3. | Agensi Teknikal Luaran | **AT Luaran > Utama**<br><br>a) Proses Permohonan:<br>• e-Penyerahan ( 0 )<br><br>b) Tindakan :<br>• Maklumbalas e-Tanya<br>• Maklumbalas e-Aduan<br><br>c) Maklumat Berkaitan :<br>• Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan<br>• Projek / Permohonan<br>• e-Rujukan |
| 4. | Jawatankuasa OSC | **Jawatankuasa OSC**<br><br>• Penyediaan Agenda dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC<br>• Lihat Agenda dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC<br>• e-Rujukan |

| | | |
|---|---|---|
| 5. | Jawatankuasa Teknikal |  |
| 6. | Pentadbiran Sistem |  |

Jadual 1: Jenis akses pengguna dan paparan menu terlibat